

01 OCT 2003

Mahathir-Lima

KERAJAAN PUASHATI DENGAN PENCAPAIAN LIMA - DR MAHATHIR

LANGKAWI, 1 Okt (Bernama) -- Kerajaan amat berpuas hati dengan pencapaian Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) terutama dari segi pertambahan syarikat Malaysia yang mengambil bahagian, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Perniagaan mereka telah tumbuh begitu membesar sejak 12 tahun lepas (LIMA yang pertama ialah pada 1991) sedangkan sebelum ini mereka (syarikat-syarikat Malaysia) tidak mempunyai teknologi, kini mereka memilikinya," katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet di sini hari ini.

Mesyuarat itu biasanya diadakan di pusat pentadbiran baru persekutuan, Putrajaya, tetapi minggu ini mesyuarat itu diadakan di Rumah Kabinet di Gunung Raya di sini disebabkan berlangsungnya LIMA 2003.

Dr Mahathir berkata dengan teknologi baru, syarikat-syarikat Malaysia boleh mengeluarkan produk, malahan membina kapal perang frigat.

LIMA 2003 selama enam hari itu dirasmikan Perdana Menteri semalam.

Menyentuh satu perkara lain, Dr Mahathir berkata PAS menggunakan isu negara Islam untuk menagih undi dan mereka tiada hasrat untuk melakukan perkara yang baik bagi rakyat.

"Lagipun apa perlunya (isu negara Islam), kerana negara kita sudah pun dianggap oleh seluruh dunia bukan sahaja sebagai negara Islam, tetapi contoh bagi negara Islam," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya mengenai kenyataan bercanggah antara Presiden PAS Datuk Abdul Hadi Awang dan naib presiden PAS Datuk Mustafa Ali dalam satu wawancara dengan BBC minggu lepas mengenai isu negara Islam.

Dr Mahathir berkata PAS tidak konsisten dengan pendiriannya berkenaan negara Islam "kerana dia bukan nak buat, nak pancing undi sahaja."

-- BERNAMA

SR MAD RON